

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (32)  
Tarikh : 6 Ogos 2014

**Ketua Pengarang  
Makkal Osai**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK "PRITIKA YANG BERUMUR 7 TAHUN AKAN KE SEKOLAH SELEPAS BANTUAN MALAYSIA MGR" BERTARIKH 1 OGOS 2014, JUMAAT – M.S: 11**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu berkaitan seorang kanak – kanak M.Pritika, berumur 7 tahun yang masih belum memiliki sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati ibu kepada M.Pritika telah hadir bersama wakil NGO ke JPN Petaling Jaya bagi untuk mendapatkan penerangan dengan tepat dan terperinci berkaitan permohonan daftar lewat kelahiran. Pihak JPN telah memberikan satu set borang daftar lewat kelahiran untuk dilengkapkan bagi membolehkan urusan permohonan daftar lewat kelahiran dibuat. Walaubagaimanapun, permohonan ini akan diproses mengikut peruntukan perundangan sedia ada berdasarkan kelayakan pemohon.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
  4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)